

16 OCT 2002

INDIA-ASEAN/I

SIDANG KEMUNCIAK PERNIAGAAN INDIA-ASEAN RANGSANG PERDAGANGAN/PELABURAN

Oleh: R.Ravichandran

NEW DELHI, 16 Okt (Bernama) -- Sidang Kemuncak Perniagaan India-Asean pertama yang bermula esok dijangka membuka lembaran baru dalam perhubungan perdagangan dan pelaburan antara ekonomi keempat terbesar dunia dan salah sebuah rantau yang paling menarik di dunia.

Setiausaha Agung Persekutuan Dewan Perdagangan dan Industri India (FICCI) Dr Amit Mitra berkata yang jalinan kerjasama baru dalam pelbagai bidang dijangka akan muncul hasil daripada sidang kemuncak yang akan diadakan di sini (esok) dan 18 Oktober di Hyderabad.

Beliau berkata terdapat banyak peluang pelaburan dan jalinan kerjasama dalam bidang-bidang seperti pembangunan infrastruktur, pelancongan, bio-teknologi, teknologi maklumat, pendidikan dan hiburan.

Beliau menjelaskan sidang kemuncak itu akan berusaha menyediakan rangka tindakan untuk kerjasama ekonomi dan perniagaan di samping menangani isu-isu dasar kepentingan bersama.

Sidang kemuncak itu dianjurkan bersama FICCI dan kerajaan India.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual menyampaikan ucap tama pada sidang yang akan mengumpulkan para pemimpin perniagaan, menteri dan pegawai kerajaan peringkat tertinggi.

Mitra berkata integrasi India-Asean yang kukuh boleh berdaya maju memandangkan jarak geografinya yang berdekatan, persamaan budaya dan ekonomi yang saling lengkap melengkapi telah wujud sejak sekian lama.

Beliau berkata import semasa India yang melebihi AS\$50 bilion (AS\$1=RM3.8) dijangka mencatatkan jumlah berganda dalam tempoh lima tahun akan datang dan banyak negara Asean boleh mendapat manfaat daripada peningkatan ini.

Perdagangan dua hala India dengan negara-negara Asean ialah pada AS\$10 bilion dalam tempoh 2001-2002, dengan eksport India ke negara-negara Asean bernilai AS\$3.6 bilion dan import pada AS\$6.4 bilion.

Agihan penguasaan Asean dalam jumlah eksport India meningkat daripada purata 4.0 peratus antara 1985 hingga 1991 kepada lapan peratus antara 1992 dan 1998, sementara pertumbuhan tahunan perdagangan India-Asean (1991-2001) ialah 11.14 peratus.

Mitra juga berkata terdapat potensi meluas dalam membangunkan rangkaian perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang berjaya antara India dan negara-negara Asean.

Beliau menjelaskan skop pelaburan dari negara-negara Asean juga begitu banyak memandangkan hanya 5.4 peratus daripada jumlah Pelaburan Langsung Asing (FDI) yang mengalir ke India antara 1991-2000 datang dari rantau ini.

Faktor pendorong lain ialah Asean selama ini merupakan jentera pertumbuhan rantau Asia dengan pertumbuhan daripada empat hingga lima peratus meskipun berlakunya krisis kewangan Asia dalam tahun 1997.

Destinasi pelaburan utama India di negara-negara Asean ialah Indonesia, Thailand dan Malaysia dengan bidang-bidang utama pelaburan antaranya ialah pembersihan minyak sawit, farmasi, tekstil dan palpa kertas.

Nilai ekuiti pelaburan (1990-2000) ialah AS\$243.1 juta.

Dalam pada itu, Mitra berkata pelaburan secara kumulatif oleh kesemua negara Asean di India (Ogos 1991-Mei 2002) berjumlah AS\$617.44 juta dan negara pelaburan utama ialah Malaysia, Singapura dan Thailand. -- BERNAMA

RV SHO FR AA